



Adakah
Kamu
Tertanya-
Tanya

MENGAPA



JAWAPAN-JAWAPAN UNTUK
SOALAN-SOALAN YANG SUKAR



ADAKAH APA YANG BERLAKU MEMBUAT KAMU BERASA **TAKUT?**

Perkara-perkara yang mengerikan sering terjadi di dunia kita. Mungkin ini menjejaskan ramai orang, termasuk keluarga kamu sendiri. Memang wajar kita berasa takut, sedih atau marah, apabila perkara-perkara yang buruk terjadi. Oleh sebab, mungkin ada orang yang telah cedera, terluka, bahkan mati. Hal ini dapat difahami jika kamu berasa tidak berdaya atau marah. Kelihatan sungguh tidak adil! Mungkin kamu juga takut ada perkara-perkara yang lain yang akan terjadi.

Kamu mungkin merasa sedih dan ingin menangis. Ada kalanya menangis boleh membuat kamu merasa lebih lega. Jangan merasa malu. Allah yang benar dan hidup tahu bagaimana perasaan kamu dan Dia mengerti. Malah Dia juga sedih apabila perkara-perkara yang buruk berlaku.

Mungkin kamu mempunyai beberapa soalan seperti berikut:

Adakah Allah tahu dan peduli tentang saya?

Mengapakah banyak perkara yang buruk berlaku di dunia?

Mengapakah Allah mengizinkan ini terjadi?

Bagaimanakah saya dapat melalui masa yang sukar ini?

Apakah perkara-perkara lain yang merisaukan kamu sekarang? Tulislah dalam kotak di bawah:




ADAKAH ALLAH TAHU DAN PEDULI **TENTANG SAYA?**

Ya! Allah yang hidup tahu dan peduli tentang diri kamu. Dia tahu segala-galanya. Allah yang menciptakan seluruh dunia ini, dan Dia tahu apa yang sedang berlaku di setiap bahagiannya – tidak ada yang menjadi kejutan bagi-Nya. Dia tahu tentang kemalangan, peperangan dan pembunuhan. Dia juga tahu tentang ribut taufan, banjir dan gempa bumi. Allah tahu apa yang sedang berlaku kepada kamu dan keluargamu. Dia peduli apa yang sedang kamu fikirkan dan yang kamu rasakan. Dia tahu soalan-soalan yang ada dalam fikiran kamu. Mungkin kelihatan seperti tiada siapa pun yang benar-

benar memahami apa yang kamu sedang lalui, tetapi Allah tahu.

Tulishlah apa yang kamu sedang fikirkan atau rasakan tentang apa yang telah terjadi pada garisan di bawah ini.

Allah bukan sahaja mengenali kamu, tetapi Dia juga mengasihi kamu walau apa pun yang kamu fikirkan dan rasakan. Dalam Alkitab, Allah mengatakan yang Dia mengasihi kamu dengan kasih yang kekal selamanya (Yeremia 31:3). Allah yang menciptakan kamu dan Dia mengenali kamu jauh lebih baik daripada orang lain. Mungkin kamu tidak pernah memikirkan tentang Allah, tetapi Dia selalu memperhatikan kamu. Dia mahu kamu mengetahui yang Dia berkuasa dalam segala sesuatu walaupun ia tidak kelihatan seperti itu. Walaupun banyak perkara yang jahat terjadi di dunia ini, tetapi Allah itu baik. Dia tidak pernah melakukan apa-apa yang tidak benar. Dia adalah kudus – sempurna dan suci. Kamu boleh meletakkan keyakinanmu kepada Allah walaupun di sekelilingmu kucar-kacir.





MENGAPAKAH BANYAK **PERKARA YANG BURUK** BERLAKU DI DUNIA?

Mengapakah ada bencana seperti kebakaran dan banjir? Mengapakah ada pertempuran dan kematian? Perkara-perkara buruk seperti ini tidak ada sebelum ini. Apabila Allah menciptakan dunia ini, Dia menjadikannya sempurna. Semuanya indah dan baik. Apakah yang telah terjadi? Mengapakah muncul perkara-perkara yang buruk?

Semuanya bermula ketika manusia pertama memilih untuk mengingkari Allah. Mereka memberontak dan melakukan apa yang mereka inginkan. Tidak mentaati Allah dipanggil dosa. Apabila dosa datang ke dunia, ia merosakkan ciptaan Allah yang sempurna. Perkara-perkara buruk mula terjadi dalam alam semula jadi – perkara-perkara seperti taufan, angin puting beliung dan gempa bumi. Kesakitan dan kematian datang ke dunia kerana dosa.

Lebih buruk lagi, sejak itu setiap orang dilahirkan berdosa. Oleh sebab dosa, orang-orang melakukan perkara yang menyakiti orang lain, seperti mengucapkan kata-kata yang kasar terhadap orang lain, membenci, bergaduh, membunuh dan mencuri.

Kamu tidak dipersalahkan apabila ribut atau gempa bumi yang dahsyat terjadi. Seorang kanak-kanak tidak dipersalahkan jika ibu bapanya bercerai. Itu bukan salahnya.

Tetapi kamu dan saya melakukan perkara-perkara yang tidak menyenangkan hati Allah dan dosa kita memisahkan kita daripada Allah yang sempurna. Terdapat kesakitan dan kematian kerana dosa. Alkitab mengatakan bahawa dosa memasuki dunia ini dan membawa kematian bersama-samanya (Roma 5:12).

Apakah perkara-perkara yang kamu fikirkan sebagai dosa?

Dosa membawa banyak perkara yang buruk ke dalam dunia tetapi Allah tetap berkuasa.

Dia yang menentukan apa yang boleh berlaku atau tidak akan berlaku di dunia ini.



ALLAH



MENGAPAKAH ALLAH **MENGIZINKAN INI** TERJADI?

Kadangkala kita tidak mengerti mengapa Allah membiarkan perkara-perkara buruk terjadi. Perkara-perkara ini adalah akibat daripada dosa. Allah mempunyai kuasa untuk menghentikan orang-orang daripada melakukan dosa, tetapi Dia telah memberikan mereka kebebasan untuk membuat pilihan – bahkan pilihan yang salah. Allah juga mempunyai kuasa atas alam semula jadi, tetapi Dia tidak selalunya menghentikan taufan atau kebakaran.

Walaupun dosa menyebabkan perkara-perkara buruk dan jahat berlaku, namun Allah dapat menghasilkan kebaikan daripada semua itu. Dalam masa kesusahan, orang-orang mula memperhatikan

terhadap satu sama lain, sesetengahnya mungkin sanggup mengambil risiko, termasuk nyawa mereka sendiri untuk membantu orang lain. Yang lebih penting lagi orang-orang mula berfikir lebih mendalam tentang Allah dan rancangan-Nya dalam hidup mereka. Apakah perkara-perkara yang baik yang pernah kamu lihat orang lakukan ketika sesuatu perkara yang buruk terjadi?

Allah tetap berkuasa walaupun mungkin keadaan di sekitar kita kelihatan tidak seperti itu. Kamu mungkin tidak pernah memahaminya mengapa Allah membiarkan perkara-perkara itu berlaku. Namun kamu boleh memahaminya bahawa ketika kamu dalam kesakitan, Dia juga mengalaminya. Allah hadir pada masa musibah terjadi. Dia memahami ketika kamu dalam keadaan sedih atau keliru. Dia tahu dan mengambil berat tentang apa pun yang kamu sedang rasakan. Dia mengasihimu. Apabila Allah mengizinkan sesuatu seperti ini berlaku, Dia mahu bersama-sama kamu melaluinya.



BAGAIMANAKAH SAYA DAPAT MELALUI **MASA YANG SUKAR** INI?


Tidak kira apa yang berlaku, Allah boleh membantu kamu melaluinya. Jika kamu menjadi anak-Nya, Dia akan menjaga kamu sebagai sebahagian daripada keluarga-Nya. Allah tidak seperti bapa-bapa yang ada di dunia ini – Dia sempurna. Dia mahu menjadi Bapa Syurgawi yang mengasihimu dan menghiburmu pada masa yang sukar ini.

Allah tinggal di Syurga, tempat kediaman-Nya yang sempurna. Tuhan Yesus Kristus, Anak tunggal-Nya, juga tinggal di sana. Oleh sebab Allah itu kudus, Dia tidak boleh membiarkan dosa dalam dunia ini. Dosa perlu dihukum. Alkitab memberitahu kita bahawa hukuman untuk dosa adalah kematian (Roma 6:23). Kematian itu bermakna kamu dipisahkan daripada Allah selama-lamanya di tempat yang terkutuk. Rancangan Allah untuk menyelesaikan masalah dosa adalah menghantar Anak-Nya

untuk menerima hukuman yang sepatutnya diterima oleh kamu dan saya.

Allah menghantar Anak-Nya Yesus ke Dunia sebagai bayi. Oleh sebab Dia adalah Anak Allah, Yesus adalah satu-satunya yang tidak pernah berdosa. Semasa Dia dibesarkan, Yesus tidak pernah melakukan sesuatu yang salah. Kemudian tiba hari bagi Yesus untuk mengambil hukuman dosa kamu. Yesus memahami penderitaan yang sedang kamu alami kerana Dia juga telah menderita. Allah melihat ketika orang-orang menangkap Anak-Nya dan memakukan Dia di kayu salib. Yesus juga menderita, darahnya mengalir dan kematian-Nya mengerikan. Allah tahu hanya inilah satu-satunya cara bagi dosa kamu dapat diampunkan.





Yesus rela menderita dan mati untuk kamu. Alkitab mengatakan bahawa Yesus mati di atas kayu salib, Dia dikuburkan dan Allah membangkitkan Dia kembali pada hari ketiga (1 Korintus 15: 3-4). Kita tahu ini benar kerana ramai orang melihat Yesus hidup di bumi sebelum Dia kembali ke Syurga untuk bersama dengan Allah, Bapa-Nya. Hari ini Dia hidup di Syurga.

Rancangan Allah untuk menghantar Anak-Nya menunjukkan betapa Dia mengasihi kamu! Dia mahu menjadikan kamu sebahagian daripada keluarga-Nya sendiri.

BAGAIMANAKAH KAMU BOLEH MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA **KELUARGA ALLAH?**

Alkitab memberitahu kita bahawa setiap orang yang menerima Yesus, yang percaya kepada nama-Nya, menjadi anak Allah (Yohanes 1:12). Untuk percaya kepada Yesus sepenuhnya bermakna kamu percaya bahawa Dia telah mati untuk kamu supaya kamu dapat diampuni. Jika kamu percaya Yesus sebagai satu-satunya yang dapat menyelamatkan kamu daripada dosa kamu, maka Allah akan mengubah kamu dan menjadikan kamu anak-Nya. Mahukah kamu percaya kepada Yesus? Kamu boleh menggunakan kata-kata doa di bawah ini untuk memberitahu Allah:

Ya Allah Bapa, saya tahu saya telah berdosa dan saya minta ampun. Saya percaya bahawa Yesus adalah Anak-Mu, yang telah mati untuk saya dan bangkit semula. Saya mahu menerima Yesus sebagai Penyelamat saya. Terima kasih kerana menjadikan saya sebahagian daripada keluarga-Mu. Dalam nama Yesus. Amin.

Apabila kamu menerima Yesus sebagai Penyelamatmu, Allah mengampunkan dosa kamu dan menjadikan kamu anak-Nya. Jika kamu percaya kepada Yesus, sila tuliskan nama dan tarikh hari ini pada garisan di bawah untuk menolong kamu mengingat bila kamu telah memberitahu Allah yang kamu percaya kepada Yesus.

Nama _____ Tarikh _____

SEBAGAI BAPA SYURGAWI, **ALLAH AKAN MENGHIBUR KAMU.**

Sebagai Bapa Surgawi kamu, Allah akan menolong menyembuhkan perasaan terluka kamu sekarang. Suatu hari nanti kamu akan pergi dan tinggal di Syurga bersama-sama Allah, di mana tidak ada penderitaan, kesedihan atau kematian. Apabila Yesus kembali ke Bumi ini, Dia akan memulihkan segala masalah yang disebabkan oleh dosa di dunia ini. Dia akan menjadikannya sempurna sekali lagi.

Kamu boleh bercakap dengan Dia pada bila-bila masa tentang apa-apa pun. Itulah maksudnya untuk berdoa. Kamu boleh memberitahu Allah tentang perkara-perkara yang kamu tulis dalam buku ini. Kamu boleh memberitahu perkara-perkara yang kamu tidak mahu kongsi dengan orang lain. Apakah yang kamu mahu katakan kepada Allah sekarang ini?

Tulislah pada garisan di bawah:

Allah akan mendengar dan menjawab doa-doa kamu. Adakah ini bermaksud bahawa tiada lagi perkara-perkara buruk yang berlaku? Tidak, perkara-perkara

buruk akan selalu terjadi dalam dunia ini. Tetapi kamu tahu Allah selalu bersama-sama kamu. Dia telah berjanji tidak akan meninggalkan kamu (Ibrani 13:5). Alkitab juga mengatakan bahawa Allah adalah penolongmu, kamu tidak perlu takut (Ibrani 13:6). Percayalah kepada Allah. Dia akan menolong kamu melalui apa sahaja keadaan.

Allah sangat mengasihi kamu, Dia telah memberikan kamu firman-Nya dalam sebuah buku yang dipanggil Alkitab. Ada banyak petikan dalam Alkitab yang membantu ketika kita melalui masa-masa yang sukar. Kamu dapat menghafal ayat-ayat ini dan mengucapkannya ketika kamu berasa sedih atau takut. Ingatlah selalu bahawa Allah mengasihi kamu dan Dia mahu menolong kamu melalui masa yang sukar ini.

- "...Aku [Allah] tidak sekali-kali akan meninggalkanmu." *Ibrani 13:5*
- "Tuhan [Allah] Penolongku; Aku tidak akan takut." *Ibrani 13:6*
- "Hanyalah Dia [Allah] batu pejalaku dan penyelamatku." *Mazmur 62:2*
- "TUHAN [Allah] dekat dengan semua yang menyeru-Nya." *Mazmur 145:18*
- "Allah Pelindung dan Pemberi kekuatan kepada kita, sentiasa sedia menolong pada waktu kesusahan." *Mazmur 46:1*



Copyright © 2002, 2012 Child
Evangelism Fellowship Inc. Bahasa
Malaysia translation Asia Pacific
version © 2020 Child Evangelism
Fellowship. Hak Cipta Terpelihara.
Digunakan dengan kebenaran. Ayat
Alkitab dipetik daripada Alkitab Versi
Borneo © 2015, Borneo Sabda Limited